



16 MAY, 2022

Pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih pantas

Utusan Malaysia, Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih pantas

PETALING JAYA: Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berterusan menunjukkan bahawa kebangkitan semula kes Covid-19 disebabkan oleh varian Omicron mempunyai impak sedikit kepada ekonomi apabila penggunaan oleh sektor awam dan swasta bertambah kukuh pada suku pertama 2022 (1Q22), menurut MIDF Research.

Firma penyelidikan itu berkata, pertumbuhan ekonomi pada suku pertama 2022 jauh lebih tinggi daripada jangkaan pihaknya dan pasaran.

Katanya, berdasarkan asas suku ke suku, KDNK negara berkembang 3.9 peratus ber-

Ekonomi Malaysia berkembang 5%

Utusan Malaysia

UTUSAN Malaysia kelmariin.



yang semakin kukuh, pertumbuhan negara berkembang dengan lancar dan pesat apabila permintaan yang semakin kukuh. Selain itu, sektor swasta juga semakin kukuh, dengan pertumbuhan KDNK sektor swasta (+5.5 peratus tahun ke tahun) merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan yang lebih kukuh dalam 1Q22 kerana ia mencerminkan pengguna mengambil peluang

banding 4.6 peratus pada suku keempat 2021 (4Q2021).

"Permintaan dalam negara semakin kukuh. Melihat kepada KDNK mengikut permintaan, peningkatan dalam penggunaan

swasta (+5.5 peratus tahun ke tahun) merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan yang lebih kukuh dalam 1Q22 kerana ia mencerminkan pengguna mengambil peluang

untuk meningkatkan aktiviti perjalanan dan perbelanjaan berikutan pelonggaran sekatan Covid-19. Penggunaan swasta yang lebih kukuh menyumbang +3.4 peratus kepada pertumbuhan KDNK," katanya dalam nota kajian.

Selain itu, kata MIDF Research, pertumbuhan eksport yang mampan juga menyumbang secara positif kepada pertumbuhan KDNK 1Q22.

"Berbanding dengan negara serantau, ekonomi Malaysia dan Filipina berkembang pada kadar yang lebih pantas pada 1Q22, berbeza dengan pertumbuhan yang mampan di Indonesia dan pertumbuhan lebih perlahan di

Singapura," katanya.

Menurut MIDF Research, pertumbuhan perkhidmatan yang lebih kukuh sejajar dengan perbelanjaan yang lebih baik.

Dari segi bekalan katanya, kira-kira 75 peratus daripada pertumbuhan pada suku tersebut disumbangkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam sektor perkhidmatan (57.5 peratus daripada KDNK).

Jelasnya, pertumbuhan sektor perkhidmatan melonjak kepada +6.5 peratus tahun ke tahun (berbanding 4Q21: +3.2 peratus tahun ke tahun), pertumbuhan terpanjang dalam tiga suku.



16 MAY, 2022

Pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih pantas

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berterusan menunjukkan bahawa kebangkitan semula kes Covid-19 disebabkan oleh varian Omicron mempunyai impak sedikit kepada ekonomi apabila penggunaan — oleh sektor awam dan swasta bertambah kukuh pada suku pertama 2022 (1Q22), menurut MIDF Research. Firma penyelidikan itu berkata, pertumbuhan ekonomi pada suku pertama 2022 jauh lebih tinggi daripada jangkaan pihaknya dan pasaran. Katanya, berdasarkan asas suku ke suku, KDNK negara berkembang 3-9 peratus ber-

banding 4.